

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

SAU 203 - Psikologi Sosial

Tarikh: 17 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

(3 jam)

---

Pilih EMPAT soalan.

1. Apakah kegunaan teori di dalam membincarkan aspek-aspek psikologi sosial? Bincangkan jawapan anda dengan membezakan dan membandingkan dua daripada teori-teori ini apabila diaplikasikan kepada sesuatu situasi sosial yang tertentu.

(25 markah)

2. "Leaders are born, not made" (Pemimpin dilahirkan, bukan dijadikan). Adakah anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan ungkapan ini? Beri penjelasan kepada jawapan anda.

(25 markah)

3. Kempen anti-merokok cuba membangkitkan kerisauan orang-orang dengan penyakit seperti barah paru-paru, t.b., dan sebagainya. Adakah anda fikir ini merupakan taktik yang efektif? Bagaimana anda boleh memperbaikkinya?

(25 markah)

4. Bincangkan bagaimana anda boleh mengaplikasikan perjumpaan-perjumpaan daripada "Trucking Game" atau "Prisoner's Dilemma" kepada masalah-masalah di dalam situasi antarabangsa seperti perlumbaan senjata atau perlucutan senjata?

(25 markah)

... 2/-

5. Nasionalisme dan cauvinisme (perasaan cinta yang terlampaui kepada tanah air) di dalam kumpulan kecil, merupakan fenomena yang agak berlainan tetapi tetap ada. Kekuatan perasaan-perasaan ini berbeza daripada satu negara ke satu negara dan daripada satu kumpulan ke satu kumpulan. Apakah yang mungkin menjadi dasar kepada dan akibat daripada perasaan-perasaan ini?

(25 markah)

6. Konformiti adalah sama dengan kepatuhan. Adakah anda setuju dengan pendapat ini? Bincangkan dengan menggunakan eksperimen-eksperimen yang relevan untuk menjelaskan jawapan anda.

(25 markah)

7. Di kalangan mamalia, hanya manusia sahaja yang membunuh ahli-ahli spesisnya secara sistematis. Kenapa? Bincangkan.

(25 markah)

- oo000oo -